

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA

PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

1. BUTIRAN JAWATAN

- | | | | |
|-----|-----------------------|---|----------------------------|
| 1.1 | Jawatan/ Gred | : | Pegawai Arkib Gred S10 |
| 1.2 | Kementerian/Jabatan | : | Parlimen Malaysia |
| 1.3 | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan Dan Profesional |
| 1.4 | Taraf Jawatan | : | Kontrak |

2. SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan (Undang-undang/ Sains Politik/ Hubungan Antarabangsa/ Ekonomi/ Perdagangan/ Sosial/ Pembangunan Sumber Manusia dan lain-lain bidang yang berkaitan) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan.
- 2.3 Mempunyai pengalaman kerja sekurang – kurangnya lima (5) tahun dalam bidang penyelidikan Undang-undang/ Sains Politik/ Hubungan Antarabangsa/ Ekonomi/ Perdagangan/ Sosial/ Pembangunan Sumber Manusia atau lain-lain bidang yang berkaitan serta juga pernah menerbitkan/ menulis apa-apa artikel jurnal atau hasil penyelidikan.
- 2.4 Mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 2.5 Mempunyai kemahiran menggunakan perisian *Microsoft Office* dan perisian- perisian lain yang biasa digunakan untuk penyelidikan.

- 2.6 Keutamaan akan diberikan kepada calon yang fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris.

3. SENARAI TUGAS JAWATAN PEGAWAI ARKIB GRED S10 (KONTRAK) ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- I. Membantu dalam menyediakan resolusi dan pelaporan untuk persidangan luar dan dalam negara yang dihadiri oleh Ahli Parlimen;
- II. Membantu dalam pengumpulan data dan menyemak data untuk mengkaji isu-isu semasa dalam dan luar negara secara berkala;
- III. Membantu Pegawai Penyelidik untuk mengambil tindakan susulan dengan Kementerian /Agensi yang berkaitan;
- IV. Membantu dalam pengumpulan data dan maklumat bagi tujuan penerbitan; dan
- V. Membantu dalam melaksanakan program dan aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian /Jabatan.

4. CARA-CARA MEMOHON

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Rasmi Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 4.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan) 2012.
- 4.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan gambar terkini berukuran passport (tidak dikembalikan), *resume*, salinan *MyKad*, salinan sijil kelahiran, salinan kelulusan akademik, salinan sijil berhenti sekolah, jurnal/ hasil penyelidikan (wajib) dan lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Professional.

4.4 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN
BANGUNAN PARLIMEN, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR
(U.P.: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

5. Tarikh tutup permohonan : 12 SEPTEMBER 2025 (JUMAAT)

Tarikh Iklan : 28 OGOS 2025 (JUMAAT)

Catatan Am:

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.